

NO. SOALAN : 44

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DR. NOOR AZMI B GHAZALI
[BAGAN SERAI]**

TARIKH : 15 NOVEMBER 2016 (SELASA)

SOALAN :

YB DR. NOOR AZMI BIN GHAZALI [BAGAN SERAI] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah usaha-usaha strategik yang dilaksanakan oleh Kerajaan untuk meningkatkan daya saing serta daya tahan ekonomi Negara dan adakah struktur perekonomian negara dalam konteks permintaan agregat dan penawaran agregat perlu diolah bagi memastikan kelestarian pertumbuhan ekonomi Negara.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Seperti mana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, ekonomi global sedang menghadapi penyederhanaan berikutan ketidakstabilan harga minyak mentah dunia, ketidaktentuan kadar monetari Amerika Syarikat, penyederhanaan ekonomi Republik Rakyat China serta ketidaktentuan impak daripada referendum Brexit. Oleh itu, sebagai sebuah ekonomi terbuka, Malaysia tidak terkecuali daripada risiko kelembapan dan ketidaktentuan ekonomi global ini.

Namun, ekonomi negara masih berdaya tahan kerana struktur ekonomi negara telah dipelbagaikan, yang mana tahap kebergantungan negara kepada sumber komoditi hanya meliputi 17.6% daripada KDNK pada tahun 2015. Tambahan pula, pertumbuhan ekonomi negara pada masa ini lebih tertumpu kepada permintaan domestik yang didorong oleh penggunaan dan pelaburan swasta di samping peningkatan pendapatan bagi mengurangkan kebergantungan kepada sektor luar.

Pada masa ini, negara masih berada di landasan pertumbuhan yang betul dengan jangkaan kadar pertumbuhan di antara 4.0–4.5 peratus pada tahun 2016 dan dianggar akan mencapai sasaran pertumbuhan ke arah negara maju dan inklusif. Bagi mengekalkan momentum pertumbuhan ekonomi seperti yang disasarkan, Kerajaan akan meneruskan usaha bagi mengukuhkan lagi asas-asas ekonomi negara dan meningkatkan daya saing negara. Di antara langkah-langkah strategik yang diambil termasuklah:

- a. Meningkatkan tahap produktiviti untuk memastikan pertumbuhan yang mapan dan inklusif. Blueprint Produktiviti Malaysia sedang dirangka bagi meningkatkan produktiviti di semua peringkat makro, sektor dan perusahaan;
- b. Meningkatkan sektor pembuatan melalui aktiviti penyelidikan, pembangunan, pengkomersialan dan inovasi (R&D&C&I) supaya dapat menghasilkan produk yang bernilai tinggi dan kompleks seperti aero-angkasa, peranti perubatan dan barangan kimia;
- c. Memodenkan sektor pertanian melalui automasi dan mekanisasi serta meningkatkan pengantarabangsaan perkhidmatan tempatan seperti kewangan Islam, perkhidmatan kesihatan swasta, dan pendidikan tinggi swasta;
- d. Melaksanakan projek-projek infrastruktur yang berimpak tinggi, seperti HSR Kuala Lumpur-Singapura, MRT di Lembah Klang dan lebuhraya Pan-Borneo di Sarawak dan Sabah;
- e. Meningkatkan fleksibiliti dasar fiskal untuk memastikan kedudukan fiskal yang mampan terutamanya dalam menangani penurunan hasil akibat kejatuhan harga minyak mentah dunia;
- f. Merancang pertumbuhan eksport dengan menambahbaik ekosistem eksport termasuklah meningkatkan infrastruktur dan mengurangkan kerenah birokrasi, meningkatkan aktiviti dalam rangkaian nilai bekalan global, memaksimumkan peluang

perdagangan di peringkat serantau dan antara rantau serta memperkenalkan kaedah promosi eksport yang lebih proaktif;

- g. Meningkatkan kesejahteraan rakyat termasuk meningkatkan taraf hidup isi rumah B40 ke arah masyarakat kelas menengah.

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan kepada langkah strategik Kerajaan dan pengolahan struktur ekonomi negara yang saya sebutkan tadi, Kerajaan yakin negara mampu untuk terus mengekalkan pertumbuhan ekonomi yang mampan serta berada di landasan untuk mencapai tahap ekonomi berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020. Namun, matlamat yang lebih penting adalah memastikan pencapaian pertumbuhan ekonomi diiringi dengan aspek inklusif dan kemampanan supaya kualiti hidup dan kesejahteraan rakyat adalah setanding dengan peningkatan ekonomi.

Sekian, terima kasih.